



TEKS UCAPAN

**YBHG. DATO' TPr. FADLUN BIN MAK UJUD
PRESIDEN PERBADANAN PUTRAJAYA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BERSAMA PRESIDEN
PERBADANAN PUTRAJAYA**

4 JULAI 2023 (SELASA)

9.30 PAGI

**DEWAN AUDITORIUM CEMPAKA SARI,
KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA, PRESINT 3**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh / salam sejahtera

Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

YBrs. Puan Baizura binti Kamal

Setiausaha Perbadanan Putrajaya / Naib Presiden (Undang-Undang)

YBrs. Tuan Haji Nik Shukri Bin Nik Soh

Naib Presiden (Perkhidmatan Bandar)

YBhg. Dato' Badlishah bin Haji Ahmad

Naib Presiden (Audit dan Risiko)

YBrs. Tuan Haji Ir. Marzuki Bin Abdullah

Naib Presiden (Kejuruteraan dan Penyelenggaraan)

YBrs. Encik Shamsul Bahrin Bin Rahmat

Naib Presiden (Perancangan Bandar)

YBrs. Encik Muhammad Zulkifli bin Zainuddin

Pengarah (Pengurusan Kewangan), menanggung Naib Presiden (Kewangan)

Wakil-wakil anak syarikat,

Pengarah-Pengarah Bahagian

Seluruh warga kerja Perbadanan Putrajaya yang dikasihi sekalian.

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua kita dapat berkumpul dalam majlis perhimpunan pada pagi ini.
2. Terima kasih kepada semua yang berjaya menghadirkan diri pada perhimpunan kali ini. Alhamdulillah kehadiran pada pagi ini amat menggalakkan walaupun mungkin ada yang masih bercuti dan mungkin ada juga yang baru kembali ke pejabat pada hari ini selepas bercuti sempena Hari Raya Aidiladha pada minggu lepas.

Para hadirin sekalian,

INTEGRITI

3. Muktahir ini YAB Perdana Menteri dan KSN sentiasa menekankan kepada kecekapan sistem penyampaian kerajaan kepada umum. Penekanan kepada sifat-sifat nilai murni konsep MADANI seperti **integriti dan amanah** dalam perkhidmatan sentiasa diberi penekanan.

4. Justeru, saya menggesa agar semua warga kerja PPj untuk sentiasa mengamalkan sikap jujur, amanah dan **berintegriti bukan sahaja semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab** sebagai penjawat awam **tetapi juga dalam kehidupan seharian.**
5. Sebagaimana kita sering lafazkan dalam **Ikrar Perkhidmatan** termasuk sebentar tadi, bahawa kita akan **sentiasa patuh dan mengamalkan teras-teras perkhidmatan** termasuklah **bekerja dengan penuh tanggungjawab** dan **berpegang teguh kepada ajaran agama.**
6. Dalam konteks ini, saya ingin mengajak semua untuk memahami dan berpegang kepada **Dasar Kualiti PPj** yang telah kita tetapkan di dalam Pelan Strategik PPj iaitu **“Membina organisasi yang berprestasi tinggi, cekap, mesra pelanggan dan mengamalkan tahap tadbir urus dan integriti yang sangat baik’.**
7. Malah, aspek integriti ini juga sememangnya telah digariskan dalam salah satu daripada tiga **Nilai-nilai Bersama PPj** iaitu **‘Melaksanakan tugas secara telus tanpa bercanggah dengan undang-undang dan peraturan’.**

8. **Nilai integriti perlu diterapkan daripada sekecil-kecil perkara sehinggalah sebesar-besar perkara. Bukan sahaja dalam aspek perolehan seperti inden kerja, sebut harga dan tender serta penguatkuasaan di semua peringkat seperti perlesenan, pengubahsuaian bangunan, dan pematuhan syarat-syarat kontrak, malah ianya melibatkan waktu bekerja, waktu rehat, tuntutan kerja lebih masa dan sebagainya.** Saya ingin menggesa semua warga PPj supaya bekerja dengan ikhlas penuh tanggungjawab serta mengenyepikan kepentingan sendiri dalam setiap tugas yang dipertanggungjawabkan.

9. Saya ingin tegaskan di sini bahawa **pihak pengurusan PPj tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas** sekiranya terdapat warga kerja PPj yang didapati melanggar peraturan dan undang-undang kerana ianya bukan sahaja mengakibatkan kerugian, malah **menjejaskan imej serta nama baik PPj dan pemegang taruh, apatah lagi PPj sekarang ini di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri.**

Para hadirin sekalian,

KERJA BERPASUKAN

10. Saya juga ingin menekankan di sini berhubung saranan dan gesaan KSN agar kita **sebagai penjawat awam mengetepikan budaya kerja secara 'silo' atau bersendirian, sebaliknya mengamalkan semangat kerja berpasukan.** Ini adalah selari dengan agenda Madani khususnya dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada masyarakat atau pelanggan.

11. Budaya atau cara bekerja secara bersendirian atau 'in silo' sudah berlalu. Prinsip kerja berpasukan berasaskan perkongsian dan kerjasama perlu dipegang kuat oleh setiap warga PPj. **Pemikiran '*all for one and one for all*'** ataupun seperti pepatah Melayu yang mengatakan **"bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat"** akan memupuk persefahaman yang kukuh dan teguh dalam jati diri atau 'DNA' warga PPj.

12. Walaupun **semangat kerja berpasukan ini sememangnya telah kita amalkan** khususnya dalam penganjuran pelbagai program PPj, **namun saya percaya terdapat ruang untuk ianya diperkukuhkan**. Dalam hal ini saya ingin merakamkan penghargaan kepada KrisPutra dan PUSPANITA PPj yang memainkan peranan dan usaha berterusan dalam mengerat serta mengukuh semangat berpasukan di kalangan warga PPj menerusi pelbagai program yang dianjurkan.

ANUGERAH DAN PENGIKTRAFAN

13. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan **terima kasih dan tahniah kepada semua warga PPj** di atas kejayaan PPj dan Putrajaya menerima **pelbagai anugerah serta pengiktirafan dari Januari sehingga Jun tahun ini** antaranya;

Peringkat Antarabangsa (Liveable Community Awards for SDG 2023)

- i. **Silver Award (Environmentally Sustainable Projects Award) - Putrajaya Lake and Wetland - A Nature Based Solution for Improving Environmental Quality, Health and Wellbeing;** dan
- ii. **Silver Award (Technology Solution Award) - Putrajaya Command Center: A Holistic and Collaborative Approach to a City Command Centre.**

Peringkat Kebangsaan / Wilayah Persekutuan / PBT

- i. **Gold Award - MIP Planning Excellence Awards Low Carbon Planning (Kategori Bandar)** untuk **Roles And Contribution of Lake And Wetland In Putrajaya Low Carbon City**;
- ii. **Gold Award Innovative Planning MIP Planning Excellence Awards (Kategori Inovasi dan Pembuatan Dasar)** untuk **Putrajaya Command Centre, Putrajaya Holistic And Collaborative Approach To City Command Centre**;
- iii. **Bronze Award Community Based Planning** untuk **Putrajaya Urban Farming Precinct 14**;
- iv. **Bronze Award Placemaking and Public Space** untuk **Putrajaya City Trail**;
- v. **MLAA Honour Award** bagi kategori "**Anugerah Inisiatif Hijau**" melalui program **SMARtBotanic Edu-CARE** di Malaysia Landscape Architecture Awards MLAA13;
- vi. **PBT Terbaik Perbandaran (Kriteria Pengurusan Pelanggan)** Anugerah Penilaian Sistem Penarafan Bintang PBT (SPB-PBT) 2022;
- vii. **PBT Terbaik Perbandaran (Kriteria Penyertaan Komuniti)** Anugerah Penilaian Sistem Penarafan Bintang PBT (SPB-PBT) 2022;

- viii. **Sijil Pengiktirafan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2022;** dan
 - ix. **Anugerah Majikan Prihatin Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 2023** sempena Hari Pekerja CUEPACS 2023.
14. Saya percaya semua pencapaian ini juga adalah hasil semangat kerja berpasukan di kalangan warga PPj. Namun begitu, selaras dengan **konsep ‘Islah’ atau penambahbaikan berterusan** yang sering dipesan oleh YAB Perdana Menteri, **apabila kita ditanya tentang pencapaian yang cemerlang, maka jawablah “*there is always a room for improvement*”**.

PENGANJURAN ACARA

15. Sebagaimana dipertontonkan tadi, sepanjang Januari hingga Jun 2023, pelbagai acara dan program telah berlangsung sama ada anjuran PPj sendiri atau Putrajaya sebagai *venue host* dengan penglibatan dan kerjasama PPj. Antara acara utama ialah **Putrajaya Open Day 2023** yang **julung kalinya dianjurkan bersempena ulangtahun penubuhan PPj** dan berjaya menarik seramai **lebih 100 ribu pengunjung**.

16. **Festival Ramadan Putrajaya 2023** yang memperkenalkan beberapa pembaharuan juga telah berjaya menarik seramai lebih **500 ribu pengunjung** dan **menjana pendapatan lebih RM3 juta kepada peniaga** sekaligus menyumbang dan merencanakan lagi kegiatan ekonomi Putrajaya.
17. Beberapa acara bertaraf antarabangsa juga telah dilangsungkan antaranya **Powerman Malaysia 2023** yang melibatkan penyertaan seramai **lebih 4,000 peserta dari lebih 30 buah negara**.
18. Insya Allah, Acara **Perbarisan dan Perarakan Hari Kebangsaan** pada 31 Ogos tahun ini akan diadakan di Putrajaya dan **dijangka menarik seramai lebih 100 ribu pengunjung**. Pemilihan Putrajaya sebagai tuan rumah bagi acara penting ini amat bermakna yang mana PPj sebagai PBT sememangnya memainkan peranan yang besar apatah lagi pentas utama berada di hadapan Kompleks PPj sendiri.

Warga PPj yang dikasihi sekalian,

SEMAKAN SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT)

19. Memasuki separuh kedua tahun 2023 ini, saya ingin mengingatkan agar setiap Jabatan/Bahagian dan warga kerja PPj menyemak pencapaian setengah tahun bagi **Sasaran Kerja Tahunan (SKT) 2023** sebagaimana yang telah dirancang pada awal tahun.

20. Saya juga ingin menyarankan agar SKT setiap Jabatan/Bahagian **diselaraskan dengan sasaran pencapaian misi, strategi-strategi dan pelan-pelan tindakan sebagaimana yang digariskan di dalam Pelan Strategik PPj 2021-2025** kerana ianya akan dijadikan ukuran terhadap **pencapaian Petunjuk Prestasi Utama bagi PPj**.

SALURAN MENGUTARAKAN PANDANGAN/ IDEA/ CADANGAN

21. Sebagai sebuah organisasi, PPj sememangnya mengamalkan gabungan pengurusan *Top-Down* dan *Bottom Up*. Walaupun kelazimannya arahan dan keputusan adalah daripada peringkat Pengurusan Atasan, namun **pandangan daripada peringkat pelaksana juga diambil kira dan dihargai**.

22. Saya sendiri sama ada dalam sesuatu mesyuarat dan perbincangan formal atau tidak formal termasuk menerusi grup *whatsapp* sentiasa menyambut baik pandangan yang diberikan oleh semua peringkat termasuk kumpulan pelaksana yang lebih faham, contohnya dalam aspek operasi dan teknikal di lapangan.
23. **YAB Perdana Menteri** pada perjumpaan bulanan beliau bersama warga JPM baru-baru ini turut **menggalakkan penjawat awam untuk menyuarakan pandangan dalam perkara atau bidang yang mereka lebih mahir dan fahami** agar keputusan dapat dibuat dengan lebih tepat dan efektif. Disamping itu, beliau turut **menyaran penjawat awam untuk mengamalkan budaya membaca.**
24. Di peringkat PPj, selain menerusi mesyuarat dan perbincangan di pelbagai peringkat, warga kerja PPj juga mempunyai pelbagai saluran seperti **Majlis Bersama Jabatan (MBJ), Kotak Idea, Pertandingan Idea Inovasi, Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Pasukan *Task Force*** dan sebagainya untuk menyalurkan pandangan dan idea. Justeru, **gunakanlah saluran ini dengan sebaiknya.**

25. Di kesempatan ini, saya bagi pihak pengurusan merakamkan **setinggi penghargaan kepada para wakil pekerja dalam MBJ PPj sesi 2021/2023. Tahniah diucapkan kepada wakil pekerja yang dipilih dan dilantik bagi sesi 2023/2025.**
26. **Penghargaan juga kepada yang mengambil bahagian dalam Kotak Idea dan Pertandingan Idea Inovasi di mana pemenangnya akan diumumkan sebentar nanti.**

Hadirin sekalian,

ANUGERAH PEKERJA CONTOH

27. Selain Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) yang menjadi kelaziman bagi semua jabatan Kerajaan, PPj turut mewujudkan Anugerah Khidmat Setia serta Anugerah Khas Presiden sebagai tanda penghargaan kepada warga PPj berdasarkan kriteria yang ditetapkan.
28. Pada perhimpunan ini, satu lagi anugerah penghargaan akan disampaikan iaitu **Anugerah Pekerja Contoh** berdasarkan kriteria yang ditetapkan. Istimewanya, **anugerah ini turut meliputi kategori pegawai MySTEP PPj, sekaligus**

menunjukkan bahawa **PPj amat menghargai dan mengiktiraf peranan para pegawai MySTEP.**

29. Kepada pegawai MySTEP, janganlah ada perasaan anda dianaktirikan atau diabaikan. Sesungguhnya peranan anda semua adalah sama pentingnya dengan pegawai lain yang bersatus kontrak dan tetap.
30. Nasihat saya, laksanakanlah tugas yang diberikan dengan sebaiknya kerana ianya akan dinilai dan diambil kira sekiranya terdapat kekosongan jawatan. Malah pengalaman anda bertugas di PPj juga amat berharga sekiranya anda ditemuduga dan berpeluang berkhidmat di tempat lain.

PEKELILING PERKHIDMATAN YANG DILULUSKAN DALAM MESYUARAT ANGGOTA TAHUN 2023 (JANUARI-JUN)

31. Di kesempatan ini juga, saya ingin memaklumkan senarai Pekeliling Perkhidmatan yang telah diluluskan menerusi Ketas Resolusi dan Kertas Mesyuarat Anggota Perbadanan Putrajaya dari Januari hingga Jun 2023. Sebanyak tujuh (7) pekeliling perkhidmatan telah diluluskan. Antaranya ialah:

- i. Pemberian Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) Tambahan Khas Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan Dalam Kumpulan Pelaksana Dan Kumpulan Pengurusan Dan Profesional (**Tarikh Kuatkuasa : 1 Januari 2023**)
- ii. Pemberian Subsidi Yuran Pengasuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak Di Tempat Kerja Sektor Awam (**Tarikh Kuatkuasa : 1 April 2023**)
- iii. Cadangan Untuk Menerima Pakai Penambahbaikan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Bagi Pegawai Perkhidmatan Awam Yang Terlibat Dalam Pertandingan Sukan Di Peringkat Kebangsaan Dan/Atau Antarabangsa (**Tarikh Kuatkuasa : 5 April 2023**)
- iv. Cadangan Untuk Menerima Pakai Penambahbaikan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan Dan Hari Gawai (**Tarikh Kuatkuasa : 22 Mei 2023**)
- v. Penambahbaikan Pemberian Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) Dan Penambahbaikan Pemberian Awal Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat (GCR) - (**Tarikh Kuatkuasa : 1 Januari 2023**)

Para hadirin sekalian,

PENUTUP

32. Akhirnya, saya sekali lagi ingin menyeru semua warga kerja PPj untuk meneruskan kecemerlangan dan meningkatkan usaha ke arah memberi perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dan pelanggan.

33. Saya akhiri amanat perhimpunan ini dengan mengajak diri saya dan semua warga PPj untuk melaksanakan kerja kita dengan berdasarkan konsep kerja yang boleh dirumuskan daripada 5 huruf dalam perkataan **KERJA** itu sendiri iaitu;
 - **Kerjaya** : Pekerjaan adalah kerjaya yang perlu disyukuri kerana ianya adalah rezeki Allah dan pekerjaan kita adalah satu ibadah (Kerana Allah);
 - **Empati** : Keinginan membantu dan menyelesaikan masalah, sebagai contoh dengan meletakkan diri kita pada tempat pelanggan;
 - **Rasional** : Bersikap rasional dan bertindak segera terhadap tugas, arahan dan keputusan;

- **Jujur** : Jujur terhadap kerja bagi meningkatkan kualiti diri dan perkhidmatan; dan
- **Amanah** : Bersikap positif, berintegriti dan bertanggungjawab.

Sekian,

**Wabillahit taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum
warahmatullahi wabarakatuh**